

27/05/2003

Projek paip gas dari Teluk Siam siap 2005

Johari Ibrahim

KANGAR: Pembinaan projek paip gas dari Teluk Siam ke Chana di Selatan Thailand dan ke Kedah bernilai RM2.62 bilion yang menghadapi bantahan penduduk tempatan kini diteruskan dan dijangka siap menjelang tahun 2005.

Ketua Pegawai Perhubungan Awam di Pejabat Perdana Menteri Thailand, Chamnong Pakaworawuth, berkata Perdana Menteri negara itu, Thaksin Sinawatra memaklumkan perkara itu dalam pertemuannya dengan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, di Bangkok, Khamis lalu.

"Perdana Menteri (Thaksin) memaklumkan bahawa projek itu sudah dimulakan dan dijangka siap pada 2005," katanya ketika dihubungi, semalam.

Chamnong berkata, pembinaan paip dari Teluk Siam ke Chana akan mengambil masa satu setengah tahun manakala loji pemisah gas dua tahun.

Beliau berkata, agensi keselamatan diarahkan mengawal keadaan termasuk memberi penerangan kepada penduduk.

Pada 23 November lalu, agensi berita Reuters memetik Pengarah Trans Thai-Malaysia (Thailand) Ltd (TTM), Apisit Rujikeatkamjorn, sebagai berkata operasi komersial saluran paip dan loji pemisahan gas itu dijadualkan pada Januari 2005 selepas memulakan projek pada 1 Februari 2003.

Projek itu tertangguh berikutan tentangan pelobi alam sekitar dan penduduk tempatan.

TTM dikuasai kepentingannya secara sama rata antara syarikat minyak dan gas Thailand, PTT Plc dan Petronas.

Thaksin sebelum ini juga pernah memberi jaminan sama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada 19 Disember lalu, kira-kira 2,000 penunjuk perasaan bertempur dengan polis dekat Hotel Dusit JB di Haatyai, lokasi mesyuarat bersama Kabinet Malaysia/Thailand pada 20 Disember.

Penduduk Chana, kawasan yang terbabit dengan projek itu, membantah kerana mendakwa projek itu akan memberi kesan kepada hidupan laut dan sistem ekologi.

Projek berkenaan diilhamkan pada 1979 untuk meneroka gas asli di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) seluas 7,520 kilometer persegi di Teluk Siam, kira-kira 150 kilometer dari Kota Baru dan 180 kilometer dari Pattani di Selatan Thailand.

Gas dari kawasan JDA itu disasarkan untuk digunakan syarikat penjana tenaga bebas (IPP) di utara Semenanjung Malaysia.